



PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), mempelawa warganegara Malaysia yang memiliki ciri modal insan berilmu, berkeyakinan, berintegriti, berinovatif, berdaya kreatif, berdedikasi dan berkeperibadian cemerlang untuk mengisi kekosongan jawatan dalam pelbagai skim perkhidmatan di pusat-pusat pentadbiran MARA seluruh Malaysia. Kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL.	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1	PENOLONG JURUTERA GRED JA5 (AWAM)	RM 1,650.00	RM 6,620.00
2	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J1	RM 1,500.00	RM 4,680.00
3.	PENGENDALIAN DANDANG GRED H1	RM 1,500.00	RM 4,680.00

TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

13 JUN 2025

SYARAT UTAMA LANTIKAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

1) PENOLONG JURUTERA GRED JA5 (AWAM)

- i) Sijil kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5 : RM1,731.00); atau
- ii) diploma kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5 : RM2,055.00).
- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2) PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J1

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Electrical Inspectorate Unit (EIU) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J1 : RM1,500.00- 4,680.00).
- ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3) PENGENDALIAN DANDANG GRED H1

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);
- v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN

Kontrak

SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN

1. **Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.**
2. Pemohon hendaklah memohon jawatan berdasarkan kelayakan yang dimiliki **tepat dengan bidang** yang diiklankan.
3. Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar salinan resume serta salinan kad pengenalan, surat beranak dan sijil-sijil kelulusan yang disahkan oleh pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan & Profesional seperti berikut melalui email: ikmbintuluswk@mara.gov.my atau serahan tangan/pos ke alamat yang dinyatakan di bawah:

**Pengarah,
Institut Kemahiran MARA Bintulu
KM 20, Jalan Bintulu- Sibul,
97000 Bintulu
[Tel:086-311313](tel:086-311313)**

4. Permohonan lewat atau tidak mematuhi syarat yang dinyatakan akan ditolak.
5. Permohonan akan terbatal sekiranya pemohon didapati memberi maklumat yang salah / tidak benar / manipulasi maklumat dalam borang permohonan. Maklumat-maklumat tersebut akan disemak secara terperinci pada hari temu duga.
6. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan.

7. Semakan pengiktirafan kelayakan sijil/diploma/ijazah sarjana muda/ijazah sarjana/ijazah doktor falsafah boleh dibuat melalui laman web Agensi Kelayakan Malaysia iaitu www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm.
8. Pemohon yang melepasi saringan sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.
9. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
10. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **13 JUN 2025**



MOHD SYUKRI BIN ABDULLAH
PENGARAH
INSTITUT KEMAHIRAN MARA
BINTULU